

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2015/2016

Disember 2015 / Januari 2016

**HKT 505– KAE DAH PENYELIDIKAN SASTERA, MEDIA DAN  
BUDAYA**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

- 2 -

1. Ricard D. Altic (1972) telah memperingatkan sarjana supaya mementingkan ketepatan fakta dalam kajian kesusasteraan. Berdasarkan pandangan tersebut, bincangkan secara kritis tiga prinsip mencari bukti yang dikemukakan oleh beliau.

[100 markah]

2. Apakah yang anda faham dengan kajian kuantitatif dan kajian kualitatif? Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan sejauh mana kedua-dua bentuk kajian ini boleh dimanfaatkan dalam bidang kajian kesusasteraan.

[100 markah]

3. Penyediaan cadangan penyelidikan yang baik sangat penting untuk menjamin hasil kajian yang berkualiti. Berdasarkan satu topik kajian kesusasteraan moden ATAU tradisional yang sesuai, rangkakan sebuah cadangan penyelidikan yang sempurna.

[100 markah]

4. Kajian kesusasteraan yang menghubungkan antara teks dan budaya hidup sebenar masyarakat merupakan satu pendekatan kajian yang menarik. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, kemukakan satu teori atau kerangka konseptual yang boleh diaplikasikan dalam kajian seperti ini.

[100 markah]

5. Dalam zaman kontemporari ini, karya-karya kesusasteraan tidak lagi terhad dalam bentuk bercetak, tetapi juga wujud dalam bentuk digital. Berdasarkan contoh-contoh tertentu, kemukakan satu kaedah yang paling sesuai untuk mengkaji kedua-dua bentuk karya tersebut.

[100 markah]

- 3 -

6. *Malay Concordance Project* yang diusahakan oleh *Australian National University* (ANU) merupakan salah satu pangkalan data yang sesuai untuk penyelidikan sastera. Hujahkan secara kritis kelebihan dan kekurangan data-data daripada portal tersebut sekiranya mahu digunakan sebagai sumber kajian.

[100 markah]

- oooOooo -